

Orang ramai diarah jauhi pantai

Butterworth: Jabatan Kesihatan Pulau Pinang akan menjalankan kajian menyeluruh dengan kerjasama Jabatan Alam sekitar (JAS) berhubung risiko pencemaran hidrokarbon petroleum di perairan negeri itu, terhadap kesihatan penduduk setempat dan orang awam.

Pengarahnya, Datuk Dr Lailanor Ibrahim, berkata pihaknya akan mengeluarkan ara-

han bagi menasihati orang ramai supaya tidak mendekati pantai dan mengehadkan aktiviti di laut, jika pencemaran itu terbukti memudaratkan manusia.

Katanya, kajian itu antara lain bagi mengetahui kesan pencemaran hidrokarbon petroleum itu terhadap kesihatan orang awam, termasuk dakwaan boleh menyebabkan barah, asma dan lemah in-

telektual (IQ).

“Kita kena tengok balik jurnal kajian penyelidikan dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) yang mendedahkan mengenai pencemaran itu dan membuat kajian mengenai kemudaratannya dan risiko terhadap orang ramai.

“Kita tidak boleh terus mengarahkan orang ramai dan nelayan menghentikan aktivi-

ti pantai atau turun menangkap ikan di laut kerana perkara itu perlu disiasat terlebih dulu. Jika hasil kajian JAS mengesahkan tahap pencemaran itu berisiko pada orang awam, maka arahan susulan akan dikeluarkan segera,” katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Baru-baru ini, *BH* mendedahkan mengenai pencemaran hidrokarbon petroleum yang dikenal pasti daripada jenis Polycyclic Aromatic Hydrocarbons (PAHs) yang diambil daripada 20 sedimen di kawasan perairan Selatan dan Utara Jambatan Pulau Pinang.